



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**

**DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE**

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Public Service Department, Malaysia

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

Rujukan : JPA.800-3/2/1 (45)

Tarikh : 27 April 2022

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

*YB/ YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,*

**PEMBATALAN SYARAT VAKSIN COVID-19 BAGI PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2022**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YB/YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/ Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa rentetan daripada pengumuman YAB Perdana Menteri pada 5 April 2022 berhubung Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2022, Kerajaan atas dasar keprihatinan dan keseragaman polisi telah bersetuju supaya Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2022 sebanyak RM700.00 turut dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah **yang tidak mengambil vaksin.**

3. Arahan ini secara keseluruhannya dipanjangkan kepada Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan pakai oleh pihak berkuasa masing-masing.

4. Dengan berkuat kuasanya surat edaran ini, **Perkara 3.6** dalam surat Bil. JPA.800-3/2/1(32) bertarikh 20 Disember 2021 adalah **terbatal**.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' SRI MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH)**

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Akauntan Negara